

KEMPEN PENGUMPULAN BUANGAN ELEKTRIKAL DAN ELEKTRONIK (E-WASTE) PERINGKAT NEGERI MELAKA SIRI 2/2021 DAN PENGUMPULAN FABRIK TERPAKAI



**KEMPEN PENGUMPULAN BUANGAN ELEKTRIKAL DAN ELEKTRONIK (E-WASTE)
PERINGKAT NEGERI MELAKA SIRI 2/2021 DAN PENGUMPULAN FABRIK
TERPAKAI**

25 Februari 2021, MELAKA – Jabatan Alam Sekitar Negeri Melaka dengan kerjasama Syarikat Meriahtek Sdn. Bhd telah menganjurkan kempen pengumpulan E-WASTE Siri 2/2021 dengan penglibatan warga Menara Persekutuan, komuniti masyarakat, kolej komuniti dan pihak sekolah. Jumlah kutipan E- WASTE yang berjaya dikumpul adalah sebanyak 768.42 kg.

Kempen kali ini turut dijayakan dengan kerjasama SWCORP Negeri Melaka bagi pengumpulan fabrik terpakai. Jumlah yang berjaya dikumpulkan adalah sebanyak 2318kg.

Bagi orang ramai di Negeri Melaka yang mempunyai E-WASTE, bolehlah menghantar E-WASTE tersebut ke pusat pengumpulan seperti berikut;

(i) AEON Bandaraya Melaka

2, Jalan Lagenda, Taman 1 Lagenda, 75400 Melaka

Tel: 017-4572526

(ii) TESCO Cheng

No. 1, Jalan Inang 3, Taman Paya Rumput, 75460 Melaka

Tel: 017-4572526

Kempen pengumpulan E-WASTE juga akan diadakan pada setiap Sabtu terakhir setiap bulan. Kami mengalu-alukan agensi/ komuniti masyarakat setempat untuk turut serta kempen yang berlangsung setiap bulan ini. Sebarang pertanyaan lanjut boleh hubungi Jabatan Alam Sekitar Negeri Melaka di talian 06-2345720. E-WASTE DIKITAR, BUMI TERPELIHARA.

#jabatanalamsekitar

#jasnegerimelaka

#alamsekitartanggungjawabbersama















